Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat 9(2005) 47-59

Perkembangan Hak untuk Berdiam Diri di Malaysia dari Perspektif Akta Pencegahan Rasuah 1997

ZULAZHAR TAHIR

ABSTRAK

Di Malaysia, hak untuk berdiam diri boleh digunakan oleh tertuduh semasa berada dalam siasatan polis atau semasa perbicaraan. Namun begitu, Akta Pencegahan Rasuah 1997 telah menyekat penggunaan hak untuk berdiam diri ini. Akta ini membenarkan mahkamah untuk membuat inferen terhadap tertuduh yang berdiam diri semasa berada dalam siasatan. Ini merupakan suatu perkara yang baru dalam sistem pengadilan jenayah kita. Hak untuk berdiam diri adalah sebenarnya hak yang diwarisi daripada sistem common law. Hak untuk berdiam diri adalah hak tertuduh dan tertuduh tidak boleh dihukum apabila menggunakan hak ini sama ada semasa berada dalam perbicaraan atau semasa berada di dalam siasatan. Walau bagaimanapun, hak untuk berdiam diri ini tidak lagi berfaedah kepada tertuduh jika mereka dituduh di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan isu hak untuk berdiam diri di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 dengan merujuk pada Kanun Prosedur Jenayah Singapura yang mempunyai peruntukan yang in pari materia dengan Akta Pencegahan Rasuah 1997.

ABSTRACT

In Malaysia, the right to remain silence may be enforced by the accused during the police investigation or at trial. However, Anti-Corruption Act 1997, restricted the application of the right to remain silence. This Act allowed the courts to drawn an adverse inference to the accused who remain silence during investigation. This is the new scenario in our system of criminal justice. The right to remain silence is actually the right that we inherited from common law system. Right to remain silence is the right of the accused and the accused cannot be penalized when exercising this right whether in trial or under investigation. However, the right to remain silence is no longer helpful to the accused when he or she is charged under Anti-Corruption Act 1997. Therefore, this article will discuss the issue of the right to remain silence in Anti-Corruption Act 1997 by referring to the position in Singapore Criminal Procedure Code which has in pari materia provision with Anti-Corruption Act 1997.

PENGENALAN

Hak untuk berdiam diri merupakan satu hak yang telah sekian lama dinikmati oleh orang yang disyaki atau tertuduh sama ada semasa berada dalam siasatan mahupun semasa perbicaraan. Hak ini wujud di bawah *common law* yang dikenali sebagai *nemo debet seipsum prodere* yang mana di bawah maxim ini

seseorang individu tidak boleh dipaksa untuk memberikan keterangan yang akan menentang dirinya sendiri.[1] Di Malaysia orang yang disyaki, tertuduh[2] dan juga saksi[3] yang disiasat oleh pihak yang berkuasa boleh berdiam diri jika diajukan dengan soalan-soalan yang mana jawapannya jika diberi akan memprejudiskan diri mereka sendiri. Namun begitu, di Malaysia pemakaian hak ini bergantung kepada peruntukan nyata dalam mana-mana statut. Pada masa ini hak berkenaan masih lagi diberikan di bawah Kanun Prosedur Jenayah tetapi tertakluk kepada maxim *generalia specialibus non derogant.*[4]

AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997

Akta Pencegahan Rasuah 1997 (selepas ini dirujuk sebagai "APR") telah digubal pada tahun 1997 dalam usaha untuk mencegah dan mengenakan hukuman yang setimpal kepada pesalah-pesalah rasuah yang semakin berleluasa dan boleh menggugat ekonomi dan kestabilan negara. Tujuan penggubalan APR ini telah dijelaskan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim[5] semasa di Parlimen iaitu:[6]

> Tuan Yang Di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu Akta yang dinamakan Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang bertujuan menyatu dan meyelaraskan Undang-Undang Pencegah Rasuah yang sedia ada, memasukkan peruntukan-peruntukan baru yang lebih kemas terutama bagi usaha-usaha pencegahan rasuah, memberi kuasa-kuasa menyiasat dan peruntukan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah jenayah rasuah supaya Negara dapat menangani jenayah rasuah secara lebih tegas dan lebih berkesan.[7]

Kewujudan APR ini telah turut mambawa prosedur siasatan yang berbeza dengan prosedur siasatan di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Selepas tergubalnya APR, beberapa peruntukan baru telah dibawa masuk dan membawa senario siasatan yang berbeza terutamanya yang berkaitan dengan hak tertuduh untuk berdiam diri semasa berada dalam siasatan. Penggunaan amaran yang telah diperuntukkan di bawah APR juga adalah berlainan dengan kebiasaan amalan yang terdapat di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

---

1 Lihat keputusan kes *R v. Sang* [1980] AC 402.
2 Kanun Prosedur Jenayah, seksyen 113.
3 Ibid., seksyen 112.
4 Peruntukan spesifik akan mengatasi peruntukan am.
5 Pada masa itu beliau merupakan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia.
6 Malaysia Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Ketiga, Jilid 3, Nill 34-37, Julai 1997.
7 Ibid., hlm. 42.

AMARAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997

Amaran merupakan sesuatu yang perlu diberikan kepada tertuduh yang ditangkap sebelum apa-apa pernyataan dibuat. Apabila amaran telah diberikan dan pernyataan diambil daripada tertuduh setelah beliau ditangkap maka pernyataan tersebut boleh digunakan sebagai keterangan di mahkamah dan ia merupakan pernyataan beramaran. Di bawah APR amaran harus diberikan kepada tertuduh selepas ditangkap dan perkara ini dinyatakan di bawah seksyen 45(3) yang berbunyi:

> Jika seseorang ditangkap atau dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa atas apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, hendaklah disampaikan padanya suatu notis bertulis, yang hendaklah diterangkan kepadanya, yang bermaksud seperti yang berikut: "Kamu telah ditangkap/dimaklumkan bahawa kamu mungkin didakwa atas...(kesalahan di bawah Akta ini yang mungkin dipertuduhkan). Adakah kamu hendak mengatakan apa-apa? Jika ada apa-apa fakta yang hendak kamu gunakan dalam pembelaan kamu di mahkamah, kamu dinasihati supaya menyatakannya sekarang. Jika kamu tidak menyatakannya sehingga kamu pergi ke mahkamah, kurang kemungkinan keterangan kamu akan dipercayai dan hal ini akan membawa kesan buruk kepada kes kamu pada amnya. Jika kamu ingin menyatakan apa-apa fakta sekarang, dan kamu mahu ia ditulis, ini akan dilakukan".[8]

Seksyen 45(3) APR ini adalah mengenai kebolehterimaan sesuatu pernyataan yang telah dibuat oleh seseorang tertuduh semasa berada di dalam siasatan. Peruntukan ini memperuntukkan bahawa tindakan tertuduh dengan berdiam diri semasa berada di dalam siasatan boleh diterima sebagai keterangan.[9] Seksyen 45(3) APR ini memerlukan tertuduh untuk menyatakan apa-apa fakta yang relevan dengan pembelaan yang akan beliau gunakan semasa perbicaraan. Kegagalan tertuduh untuk mengemukakan fakta tersebut dan hanya menggunakannya semasa perbicaraan maka fakta tersebut mungkin tidak akan dianggap kredible oleh mahkamah. Namun begitu, peruntukan ini tidak mewajibkan tertuduh untuk menyatakan apa-apa fakta semasa berada di dalam siasatan pihak yang berkuasa. Jika tertuduh memilih untuk berdiam diri, mahkamah boleh membuat apa-apa anggapan yang dianggap sesuai di atas

---

8 *In pari materia* dengan seksyen 122(6) Kanun Prosedur Jenayah Singapura yang berbunyi: Where any person is charged with an offence or officially informed that he may be prosecuted for it, he shall be served with a notice in writing, which shall be explained to him, to the following effect: "You have been charged with/informed that you may be prosecuted for - (set out the charge). Do you wish to say anything in answer to the charge? If there is any fact on which you intend to rely in your defence in court, you are advised to mention it now. If you hold it back till you go to court, your evidence may be less likely to be believed and this may have a bad effect on your case in general. If you wish to mention any fact now, and you like it written down, this will be done."

9 Malaysia Rang Undang-Undang, 48, 1997, Tamb. 1-7.

tindakan tertuduh tersebut. Perkara ini telah dinyatakan di bawah seksyen 45(6) APR yang menyatakan:

Jika dalam mana-mana prosiding jenayah terhadap seseorang atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, keterangan diberikan bahawa tertuduh, apabila dimaklumkan bahawa dia mungkin didakwa kerananya, gagal menyatakan apa-apa fakta, iaitu fakta yang dalam hal keadaan yang wujud pada masa itu semunasabahnya dapat dijangkakan akan menyatakannya apabila dimaklumkan sedemikian, maka mahkamah, dalam menentukan sama ada tertuduh bersalah atas kesalahan yang dipertuduhkan, boleh membuat apa-apa kesimpulan daripada kegagalan itu sebagaimana yang pada pendapatnya patut; dan kegagalan itu boleh, berasaskan kesimpulan itu, dikira sebagai, atau sebagai dapat terjumlah kepada, sokongan apa-apa keterangan yang diberikan terhadap tertuduh yang berhubungan dengannya kegagalan itu adalah sesuatu yang matan.[10]

Oleh kerana APR ini baru sahaja diperkenalkan pada tahun 1997, maka kedudukan di Singapura boleh dirujuk sebagai panduan. Ini adalah kerana di Singapura, seksyen 122(6) dan seksyen 123 Kanun Prosedur Jenayah Singapura ('KPJS') telah diperkenal dan digunakan semenjak dari tahun 1976 lagi.[11] Oleh yang demikian, perbincangan mengenai pemakaian seksyen tersebut di Singapura adalah releven. Di Singapura, ujian yang digunakan untuk memutuskan sama ada tindakan tertuduh yang berdiam diri semasa berada dalam siasatan polis adalah munasabah atau tidak ialah adakah dalam keadaan setelah tertuduh diberitahu akan pertuduhan yang dibuat ke atasnya, tertuduh secara munasabahnya akan menyatakan apa-apa keterangan atau fakta yang mana beliau akan menggunakannya sebagai pembelaan semasa perbicaraan.[12] Justeru itu, dalam keadaan ini tertuduh dikatakan mempunyai obligasi untuk menyatakan pembelaannya kepada pihak yang berkuasa. Kegagalan tertuduh untuk menyatakan pembelaannya akan membolehkan mahkamah membuat inferen terhadap tindakannya.[13] Walau bagaimanapun, obligasi ini hanya bermula setelah tertuduh dimaklumkan secara bertulis bahawa beliau akan didakwa di

[10] *In pari materia* dengan seksyen 123(1) Kanun Prosedur Jenayah Singapura yang berbunyi:
Where in any criminal proceedings against a person for an offence evidence is given that the accused, on being charged with the offence or officially informed that he might be prosecuted for it, failed to mention any such fact, being a fact which in the circumstances existing at the time he could reasonably have been expected to mention when so charged or informed, as the case may be, the court, in determining whether to commit the accused for trial or whether there is a case to answer, and the court, in determining whether the accused is guilty of the offence charged, may draw such inferences from the failure as appear proper, and the failure may, on the basis of those inference, be treated as, or as capable of amounting to, corroboration of any evidence given against the accused in relation to which the failure is material.

[11] Lihat Zulazhar Bin Tahir, Hak Untuk Berdiam Diri, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya Kuala Lumpur, LLM 2001/2002, perbincangan dalam Bab 2.

[12] *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor* [1990] 3 MLJ 264.

[13] *Foong Seow Ngui & Ors v. Public Prosecutor* [1995] 3 SLR 785.

bawah kesalahan yang dipertuduhkan.[14] Berdasarkan kepada seksyen 45(3) APR ini jelas menunjukkan bahawa tertuduh hanya mempunyai obligasi untuk menyatakan pembelaannya apabila satu notis bertulis yang menerangkan kepadanya bahawa beliau akan dituduh dengan kesalahan yang dipertuduhkan telah diberikan kepadanya.

Dalam kes *Yap Giau Beng Terence v. Public Prosecutor,*[15] perayu semasa membuat pernyataan beramaran di bawah seksyen 122(6) KPJS telah memberitahu pihak polis bahawa beliau ingin berjumpa dengan peguamnya sebelum membuat apa-apa kenyataan. Akibatnya satu inferen telah dibuat oleh Mahkamah Perbicaraan dan beliau telah disabitkan. Mahkamah Tinggi semasa menolak rayuan perayu telah memutuskan bahawa:

> The appellant contended that the trial judge should not have drawn an adverse inference from his failure to raise the material aspects of his defence in his cautioned statements. His explanation was that he had wished to consult a lawyer first and did not want to say the 'wrong things'. I found this explanation to be completely unacceptable. The whole purpose of s 123 is to compel the accused to outline the main aspects of his defence immediately upon being charged so as to guard against the accused raising defences at trial which are merely afterthoughts. If the accused is allowed to escape the consequences of s 123 simply by explaining that he wished to consult a lawyer first before saying anything, s 123 would be rendered otiose. I would emphasise at this point that it is not in every case that an adverse inference is drawn against an accused who keeps silent upon being charged. An adverse inference will be drawn only if he fails to mention facts which he could reasonably have been expected to mention upon being charged.[16]

Apakah inferen yang boleh dibuat oleh mahkamah jika tertuduh berdiam diri semasa berada di dalam siasatan? Dalam kes *Lau Lee Peng v. Public Prosecutor,*[17] Mahkamah Rayuan Jenayah Singapura menyatakan:

> What inference should ultimately be drawn under s. 122 (6) and 123(1) of the CPC against the accused for an omission is really a matter of judgment for the trial judge, who would no doubt consider it in the light of the nature of the omitted fact(s) in relation to the charge the accused faced. Another pertinent factor would be whether any challenge has been raised by the accused concerning the adequacy of the explanation given to him. There should also be other factors.[18]

Walau bagaimanapun, apabila tertuduh semasa berada dalam siasatan telah menyatakan sesuatu yang terjumlah kepada satu penafian terhadap pertuduhan sebelum amaran di bawah seksyen 122(6) KPJS diberikan maka inferen tidak

---

14 *Sundram Jaykumal v. Public Prosecutor* [1980-1981] SLR 84.
15 [1998] 3 SLR 656.
16 Ibid., hlm. 667-668.
17 [2000] 2 SLR 628.
18 Ibid., hlm. 643.

boleh dibuat terhadapnya.[19] Di Singapura, jika seksyen 122(6) tidak diikuti dengan ketat, ia tidak akan menyebabkan pernyataan di bawah seksyen tersebut tidak boleh diterima tetapi akan diambil kira oleh mahkamah semasa memutuskan apakah inferen yang boleh dibuat dalam keadaan tersebut.[20]

Dalam hal ini adalah dihujahkan bahawa apa-apa inferen yang boleh dibuat oleh mahkamah terhadap tertuduh yang memilih untuk berdiam diri semasa berada dalam siasatan haruslah sesuatu yang material dan penting. Fakta yang dikatakan telah disembunyikan oleh tertuduh daripada pengetahuan pihak yang berkuasa haruslah sesuatu yang penting kepada pembelaan yang akan beliau gunakan di mahkamah. Rasionalnya di sini adalah supaya pihak polis dapat menyiasat kebenaran pembelaan yang ditimbulkan oleh tertuduh jika mereka mengetahuinya terlebih dahulu. Ini bermakna, pihak pendakwaan akan berkesempatan untuk mengemukakan keterangan-keterangan di mahkamah untuk menyangkal pembelaan yang akan dikemukakan oleh tertuduh semasa kes pembelaan.[21] Selain daripada itu, jika pihak yang berkuasa dapat membuktikan bahawa apa yang dinyatakan oleh tertuduh itu adalah benar maka pihak pendakwaan sudah pasti tidak ingin melanjutkan kes tersebut ke mahkamah kerana ia hanya akan membazirkan kos dan masa semua pihak yang terlibat.

NOTIS BERTULIS

Berdasarkan kepada seksyen 45(3) APR adalah jelas menunjukkan bahawa keperluan memberikan notis bertulis apabila seseorang tertuduh itu diberitahu bahawa beliau mungkin dipertuduh atas apa-apa kesalahan adalah wajib, memandangkan perkataan 'hendaklah disampaikan padanya satu notis bertulis' dalam peruntukan tersebut. Justeru itu, apabila seseorang tertuduh dituduh maka keperluan amaran di bawah seksyen 45(3) APR harus diberikan secara bertulis kepada tertuduh yang antara lain akan menerangkan kepada orang yang dituduh kesannya jika beliau enggan menyatakan pembelaanya kepada pihak yang berkuasa dan sebagainya. Mahkamah di Singapura dalam hal ini telah memutuskan bahawa notis bertulis haruslah diberi kepada tertuduh apabila beliau telah dituduh dengan satu kesalahan dan tugas ini bukan wujud serta merta

---

[19] Keputusan Mahkamah Tinggi Singapura dalam kes *Tay Kok Poh Ronnie v. Public Prosecutor* [1996] 1 SLR 185.

[20] *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor* [1990] 3 MLJ 264, keputusan Mahkamah Rayuan Jenayah Singapura.

[21] Di bawah seksyen 402A Kanun Prosedur Jenayah menyatakan bahawa tertuduh harus memberikan notis 10 hari sebelum perbicaraan kepada pendakwa jika mahu menggunakan pembelaan *alibi*. Rasionalnya adalah untuk membolehkan pihak pendakwa menyiasat kebenaran pembelaan yang dikemukakan oleh tertuduh.

selepas beliau ditangkap.[22] Jika wujud kesilapan teknikal ke atas notis tersebut ia masih boleh diterima kerana kesilapan tersebut hanyalah salah aturan semata-mata.[23]

Namun begitu, dihujahkan bahawa amaran dan notis seperti yang perlu diberikan kepada tertuduh haruslah dipatuhi secara ketat. Kesilapan teknikal haruslah sesuatu yang tidak akan memudaratkan kepentingan tertuduh di dalam apa jua keadaan. Jika kesilapan di dalam notis tersebut akan menyebabkan kedudukan tertuduh diprejudiskan, maka pernyataan yang beliau kemukakan di bawah seksyen 45(3) APR tidak harus diterima masuk sebagai keterangan. Selain daripada itu, apa-apa pernyataan daripada tertuduh tidak harus direkodkan oleh pegawai yang terlibat secara aktif di dalam siasatan kerana ia mungkin akan menyebabkan ketidakadilan kepada tertuduh.[24] Di samping itu, apa-apa inferen juga tidak sepatutnya dikenakan terhadap tertuduh jika jelas menunjukkan bahawa ketidakpatuhan kepada peruntukan ini akan menyebabkan kepentingan tertuduh diprejudiskan. Tugas untuk menyerahkan notis kepada tertuduh adalah sesuatu yang penting.[25] Oleh yang demikian, kegagalan untuk memberikan notis kepada tertuduh boleh dikatakan sesuatu yang memudaratkan. Ini adalah kerana, notis tersebut akan memaklumkan kepada tertuduh bahawa beliau akan dituduh dengan kesalahan yang dikatakan telah beliau lakukan di mahkamah. Justeru itu, tertuduh boleh menyediakan dirinya dengan keterangan yang akan dijadikan sebagai pembelaan semasa perbicaraan.

HARUS DITERANGKAN KEPADA TERTUDUH

Seksyen 45 APR tidak menjejaskan tertuduh untuk berdiam diri semasa berada dalam siasatan secara langsung tetapi secara tersiratnya ia menghendaki tertuduh mengemukakan fakta semasa di dalam siasatan. Walau bagaimanapun, jika tertuduh memilih untuk mengemukakan keterangan, amaran di bawah seksyen 45(3) APR haruslah diberikan kepada tertuduh. Amaran ini bukan hanya perlu diberi kepada tertuduh, tetapi juga harus diterangkan kepada tertuduh dalam bahasa yang difahaminya. Sebelum menerima sebarang keterangan daripada tertuduh, mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa tertuduh memahami maksud amaran yang telah diberikan kepadanya.[26] Perkara ini adalah amat penting bagi mengelakkan tertuduh daripada membuat sesuatu pernyataan tanpa mengetahui risiko perbuatannya itu.

---

[22] *Mohamed Bachu Miah v. Public Prosecutor* [1993] 1 SLR 249.

[23] *Public Prosecutor v. Chia Chee Yenn*, [1990] SLR 561.

[24] Lihat kes *Public Prosecutor v. Mohd Fuzi bin Wan Teh & Anor* [1989] 2 CLJ 652.

[25] Lihat kes *Mohamed Bachu Miah v. Public Prosecutor* [1993] 1 SLR 249; *Sundram Jaykumal v. Public Prosecutor* [1980-1980] SLR 84.

[26] Lihat kes *Tan Boon Taf v. Public Prosecutor* [1990] SLR 575.

Bagaimanakah cara amaran tersebut perlu diterangkan kepada tertuduh adalah merupakan persoalan fakta yangbergantung kepada keadaan sesuatu kes.[27] Di samping itu, tuduhan yang dikenakan juga harus diterangkan kepada tertuduh. Kegagalan untuk menerangkan amaran dan tuduhan ini kepada tertuduh akan membolehkan mahkamah untuk tidak membuat inferen terhadap tertuduh.[28] Dalam hal ini, menerangkan tuduhan tersebut secara am kepada tertuduh adalah sudah memadai.[29] Walau bagaimanapun, di Singapura kegagalan untuk mematuhi peruntukan mengenai isu amaran ini[30] tidak akan menyebabkan pernyataan tersebut tidak boleh diterima kerana penerimaan pernyataan tersebut bergantung kepada kesukarelaan[31] pembuatnya. Ketidakpatuhan kepada peruntukan ini hanya akan memberi kesan kepada jenis anggapan yang akan dibuat oleh mahkamah.[32]

Sungguhpun begitu, adalah tidak adil untuk menyatakan bahawa kegagalan untuk mematuhi peruntukan amaran ini tidak akan menjejaskan penerimaan pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh. Walaupun penerimaan sesuatu amaran tertakluk kepada kesukarelaan, namun peruntukan ini haruslah diikuti dengan ketat bagi tujuan keadilan. Amaran yang diberikan secara dasarnya akan menerangkan kepada tertuduh tentang hak-haknya dan risiko yang terpaksa beliau hadapi jika memilih untuk berdiam diri. Oleh yang demikian, pematuhan kepada peruntukan ini adalah penting untuk tertuduh memahami kesan tindakan beliau dari segi undang-undang. Justeru itu, jika peruntukan ini tidak diikuti secara ketat dan tertuduh memilih untuk berdiam diri tanpa mengetahui risiko perbuatannya maka semasa perbicaraan beliau akan berada pada kedudukan yang merugikan. Ini kerana, dengan berdiam diri akan membolehkan inferen dibuat oleh mahkamah terhadap tertuduh. Selain daripada itu, mahkamah juga boleh menolak pembelaan yang ditimbulkan mungkin oleh tertuduh buat pertama kalinya semasa perbicaraan. Lantaran itu, setiap peruntukan haruslah beroperasi secara adil terhadap tertuduh dan bukan sebaliknya.

KESUKARELAAN

Pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh di bawah seksyen 45(3) haruslah dibuat secara sukarela. Perkara ini telah dinyatakan di bawah seksyen 45(1) APR yang berbunyi:

---

27 Lihat kes *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor* [1990] SLR 561.

28 Lihat kes *Chan Chi Pun v. Public Prosecutor* [1994] 2 SLR 61.

29 Lihat kes *Public Prosecutor v. Sugianto bin Pardi* [1994] 2 SLR 1.

30 Kanun Prosedur Jenayah Singapura, seksyen 122(6).

31 Ibid., seksyen 122(5).

32 Lihat kes *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor* [1990] SLR 561.

Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah tentang suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak, secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang orang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai Badan, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai lain Badan atau mana-mana orang, sama ada yang terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan orang itu dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

Berdasarkan kepada seksyen 45(1) APR ini, ia merupakan peruntukan yang membawa maksud yang luas. Ia membenarkan apa-apa pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh pada bila-bila masa untuk dibawa masuk sebagai keterangan di mahkamah. Di samping itu, pernyataan tersebut juga boleh merupakan satu pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh sebelum atau selepas beliau dituduh, semasa berada di dalam siasatan atau tidak, sama ada ia merupakan satu pengakuan salah atau tidak dan sama ada pernyataan tersebut dibuat secara bertulis atau secara lisan. Selain daripada itu, pernyataan tersebut boleh dibuat kepada mana-mana pegawai Badan[33] sama ada yang terlibat dalam tangkapan terhadap tertuduh atau tidak.[34]

Merujuk pada seksyen 45(1) APR, mengingatkan kita kepada kaitannya dengan seksyen 113(1) Kanun Prosedur Jenayah. Ini adalah kerana jika kita melihat kepada seksyen 113(1) Kanun Prosedur Jenayah dan seksyen 45(1) APR menunjukkan bahawa ia mempunyai kaitan berdasarkan kepada isi kandungannya dengan sedikit perubahan dubuat di dalam seksyen 45(1) APR. Perbezaan yang ada di bawah seksyen 45(1) APR ialah pernyataan yang dibuat oleh tertuduh kepada pegawai yang terlibat di dalam penangkapan boleh diterima sebagai keterangan dan pernyataan tersebut juga boleh diterima walaupun bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-

---

33 Pegawai Badan telah didefinisikan oleh seksyen 2 Akta Pencegahan Rasuah 1997, termasuklah Ketua Pengarah dan mana-mana pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 4(1). Seksyen 4(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 memperuntukkan: Maka hendaklah dilantik apa-apa bilangan Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya, Penguasa Kanan, Penguasa, Penolong Kanan Penguasa, Penolong Penguasa, Penyiasat Kanan, dan Penyiasat Badan sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

34 Berbeza dengan seksyen 113(1) Kanun Prosedur Jenayah yang memerlukan pernyataan dibuat oleh tertuduh kepada pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas, manakala seksyen 122(5) Kanun Prosedur Jenayah Singapura pula memerlukan pernyataan tersebut diberi kepada pegawai polis yang berpangkat Sarjan ke atas.

undang. Isu yang mungkin timbul berdasarkan kepada seksyen 45(1) APR ini ialah, apakah nilai sesuatu pernyataan atau pengakuan yang telah diperolehi daripada tertuduh apabila ianya dibuat kepada pegawai yang terlibat di dalam penyiasatan atau penangkapan terhadap tertuduh?

Dalam kes *Public Prosecutor v. Yong Kong Hin*[35] tertuduh telah dituduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Semasa perbicaraan, pihak pendakwaan telah mengemukakan pernyataan beramaran yang dibuat oleh tertuduh semasa berada di dalam siasatan. Pihak pembelaan telah membantah pernyataan beramaran tersebut dan di antara bantahan mereka ialah pernyataan beramaran tersebut telah direkodkan oleh pegawai polis yang terlibat secara aktif di dalam siasatan. Semasa membenarkan bantahan oleh pihak pembelaan, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa pegawai penyiasat yang terlibat secara aktif semasa penangkapan tidak boleh terlibat di dalam merekodkan pernyataan daripada tertuduh.[36] Mahkamah Tinggi di dalam kes ini juga telah merujuk kepada kes *Ismail bin U.K. Abdul Rahman v. Public Prosecutor*[37] yang mana kes ini telah memutuskan bahawa sesuatu pernyataan beramaran tidak harus diberikan sebarang nilai jika ia telah direkodkan oleh pegawai polis yang terlibat di dalam siasatan terhadap tertuduh yang mana mereka sudah tentu mempunyai kepentingan di dalam kes tersebut[38] Justeru itu, adalah lebih selamat agar apa-apa pernyataan atau pengakuan yang dibuat oleh tertuduh semasa berada di dalam siasatan direkodkan oleh pegawai yang tidak terlibat dengan penyiasatan atau penangkapan terhadap tertuduh.

Pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh di bawah seksyen 45(1) APR ini juga bergantung kepada kesukarelaan tertuduh. Peruntukan ini adalah penting memandangkan di bawah APR, tertuduh tiada pilihan selain daripada membuat pernyataan semasa berada dalam siasatan. Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh tertuduh di bawah peruntukan ini harus bebas daripada sebarang unsur dorongan, ugutan atau janji dan ia telah dijelaskan di bawah seksyen 45(2) APR yang memperuntukkan:

> Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah dan mengelakkan apa-apa durjana keduniaan berkaitan dengan prosiding terhadapnya.

---

35 [1981] CLJ 178.

36 Ibid., hlm. 178-179.

37 [1974] 2 MLJ 180.

38 Lihat kes *Public Prosecutor v. Mohd Fuzi bin Wan Teh* [1989] 2 CLJ 652; *Cheong See Leong v. Public Prosecutor* [1948-1949] MLJ Supp. 257.

Orang yang berkuasa telah didefinisikan oleh mahkamah termasuk pengurus tempat tertuduh bekerja.[39] Hakim Syed Agil Barakbah dalam kes *Mohamed Yusof v. Public Prosecutor*[40] telah memutuskan bahawa ugutan atau dorongan boleh wujud secara tidak langsung seperti melalui kata-kata atau perbuatan daripada pihak yang berkuasa.[41]

Mahkamah dalam hal ini akan melihat kepada latar belakang tertuduh seperti usia, keadaan fizikal dan mental tertuduh.[42] Jika kesukarelaan sesuatu pernyataan dipertikaikan oleh tertuduh maka pihak pendakwaan perlu membuktikan sehingga tanpa keraguan yang munasabah bahawa pernyataan tersebut telah diperolehi secara sukarela.[43] Kesukarelaan sesuatu pernyataan yang telah dipertikaikan semasa perbicaraan akan diputuskan oleh mahkamah di dalam satu perbicaraan dalam perbicaraan atau *voir dire.*[44] Di samping itu, jika ditimbulkan isu sama ada sesuatu amaran yang sempurna telah diberikan dan telah diterangkan kepada tertuduh atau tidak, ia juga akan diputuskan melalui *voir dire.*[45]

Persoalannya di sini ialah, adakah pernyataan beramaran yang telah direkodkan di bawah seksyen 45(3) APR tertakluk kepada kesukarelaan seperti yang telah dinyatakan di bawah seksyen 45(2) APR. Dalam konteks ini, rujukan kepada seksyen 45(5) APR adalah perlu dan seksyen tersebut berbunyi:

> Tiada pernyataan yang dibuat oleh seseorang orang tertuduh pada menjawab notis bertulis yang disampaikan padanya menurut subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai pernyataan yang disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji sebagaimana yang diperihalkan dalam subseksyen (2), jika pernyataan itu dibuat selainnya dengan sukarela.

Memandangkan seksyen 45(5) APR adalah *in pari materia* dengan seksyen 122(7) Kanun Prosedur Jenayah Singapura, maka rujukan kepada kedudukan di Singapura adalah relevan. Di Singapura, pernyataan beramaran yang telah direkodkan di bawah seksyen 122(6) KPJS adalah tertakluk kepada kesukarelaan di bawah seksyen 122(5) KPJS.[46] Justeru itu, tertuduh masih boleh mencabar kesukarelaan pernyataan yang telah dibuatnya di bawah seksyen 122(6) KPJS dengan menggunakan seksyen 122(5) KPJS.

---

[39] Lihat kes *Naikan v. Public Prosecutor* [1961] MLJ 147.
[40] [1983] 2 MLJ 167.
[41] Ibid., hlm. 169.
[42] Lihat kes *Chong Boo See v. Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 292.
[43] Lihat kes *Tan Too Kia v. Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 187.
[44] Lihat kes *Mohamed Noor bin Jantan v. Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 289; *Abdul Mahmud v. Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 50.
[45] *Public Prosecutor v. Samsul Kamar bin Mohd Zain* [1988] 2 MLJ 252.
[46] Lihat Zulazhar Bin Tahir, Hak Untuk Berdiam Diri, Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya Kuala Lumpur, LLM 2001/2002.

Dalam kes *Tsang Yuk Chung v. Public Prosecutor*[47] telah diputuskan bahawa jika pihak polis tidak mengikuti peruntukan di bawah seksyen 122(6) KPJS dengan ketat ia tidak akan menyebabkan pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh di bawahnya tidak boleh dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah. Ini adalah kerana kebolehterimaan pernyataan yang telah dibuat oleh tertuduh di bawah seksyen 122(6) KPJS bergantung kepada seksyen 122(5) KPJS.

Justeru itu, merujuk kepada APR, tertuduh akan membuat pernyataan beramaran berdasarkan kepada seksyen 45(3) APR. Di dalam keadaan ini, kesukarelaan pernyataan beramaran tersebut haruslah dijadikan sebagai keutamaan kepada kebolehterimaannya sebagai keterangan di mahkamah sebagaimana dengan keterangan yang telah direkodkan di bawah seksyen 45(1) APR. Ini adalah kerana jika kesukarelaan dijadikan sebagai intipati utama sebelum sesuatu pernyataan tersebut boleh diterima sebagai keterangan, maka ia dapat mengelakkan daripada berlakunya kekasaran ke atas tertuduh semasa berada di dalam siasatan.[48] Di samping itu juga, ia akan dapat menghindarkan kewujudan pengakuan-pengakuan palsu yang lahir ekoran daripada dorongan, ugutan atau janji yang berlaku terhadap tertuduh. Oleh itu, seperti juga seksyen 45(1) APR, dihujahkan bahawa penerimaan pernyataan beramaran di bawah seksyen 45(3) haruslah tertakluk kepada seksyen 45(2) APR.

Walau bagaimanapun, tertuduh sepatutnya tidak dipaksa untuk memberikan keterangan kepada pihak yang berkuasa. Ini kerana adalah tidak munasabah bagi sesuatu peruntukan yang membenarkan tertuduh untuk berdiam diri tetapi dalam masa yang sama memberitahunya bahawa inferen akan dikenakan ke atas beliau jika berbuat sedemikian. Secara logiknya ada pelbagai faktor yang menyebabkan seseorang individu itu memilih untuk berdiam diri seperti ketakutan, malu, nasihat daripada peguamnya, ingin melindungi ahli keluarganya yang mungkin terlibat, faktor umur, jantina dan sebagainya.[49] Justeru itu, jika inferen dibuat terhadap individu yang berdiam diri semasa di dalam siasatan berkemungkinan ia akan menyebabkan sabitan kepada mereka yang tidak bersalah berlaku. Oleh yang demikian, apa-apa inferen yang dibuat terhadap tertuduh yang memilih untuk berdiam diri harus disokong oleh keterangan-keterangan pihak pendakwaan yang lain sebelum sabitan boleh dibuat oleh mahkamah. Oleh itu, pihak pendakwa harus membuktikan kesnya terhadap tertuduh sehingga tanpa keraguan yang munasabah tanpa apa-apa

---

47 [1990] SLR 107.

48 Lihat kes *Tan Sri Abdul Rahim bin Mohd Noor v. Pendakwa Raya* [2001] 1 MLJ 93; [2001] 3 MLJ 1; *Public Prosecutor v. Arip Mat* [2000] 2 CLJ 98; *Public Prosecutor v. Muhari bin Mohd Jani* [1996] 3 MLJ 116.

49 Lihat Jerald Allen Gomez, 'The right to silence in the United Kingdom and Malaysia' [1995] 7: 1 June *Journal of The Commonwealth Lawyers Association* 71.

bantuan daripada tertuduh. Prinsip undang-undang menyatakan bahawa seseorang itu adalah tidak bersalah kecuali dibuktikan bersalah.

KESIMPULAN

Penggubalan APR telah membawa lembaran baru kepada senario undang-undang jenayah di Malaysia. Seseorang tertuduh yang dituduh dan disiasat di bawah APR secara tersiratnya tidak lagi menikmati kelebihan hak untuk berdiam diri seperti yang dinikmati di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Perkara ini mungkin berlaku akibat daripada kesukaran pihak yang berkuasa dalam mencari maklumat kes-kes rasuah terutamanya jika ia melibatkan pihak-pihak yang berkedudukan dan berpengaruh. Namun begitu, sistem *common law* yang kita amalkan di negara ini harus mempertahankan prinsip bahawa tanggungjawab membuktikan seseorang tertuduh itu bersalah adalah di bahu pihak pendakwaan dan bukan tertuduh untuk membuktikan bahawa beliau sebenarnya tidak bersalah. Hak untuk berdiam diri diwujudkan bukan untuk memberi kelebihan kepada mana-mana pihak atau untuk menyusahkan mana-mana pihak tetapi untuk tujuan keadilan dalam sesuatu sistem itu sendiri.

Zulazhar Tahir
Fakulti Undang-Undang
Bangunan Sultan Azlan Shah
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
Malaysia